

# Fisher Scientific



Diwakili oleh: PERNAS Trading Sdn. Berhad  
91, Jalan Dangwangi  
Kuala Lumpur,  
Malaysia.



apparatus, chemicals, furniture and supplies for industrial,  
clinical, college and government laboratories



*Sumbangan*

*daripada*  
Khazanah

Tan Sri Dato' Seri Zain

Azraai bin Zainal Abidin

\_\_\_\_\_

TELUK ANSON  
*(Teluk Inian)*  
100 Tahun

TELUK ANSON  
(Teluk Intan)  
100 Tahun

oleh  
PROF. KHOO KAY KIM

diterbitkan oleh  
PERSATUAN MUZIUM MALAYSIA  
d/a Muzium Negara  
Kuala Lumpur.

*Penyelenggara dan Penyelaras* : Jazamuddin Baharuddin  
*Rekabentuk* : Hassan Majid  
*Rekaletak* : Mohd. Idris Shariff  
*Gambar Kulit* : Ibrahim Ahmad  
*Pengurus Iklan* : Mohd Kassim Haji Ali

Cetakan Pertama 1982  
© Prof. Khoo Kay Kim

M  
959.5114  
KHO

907600  
Hadiah

dicetak oleh  
United Selangor Press Sdn Bhd  
Kuala Lumpur

vi

12 MAR 1998  
Pustaka Nasional  
Malaysia

# Kata-Kata Aluan

**P**ENDUDUK-PENDUDUK Teluk Intan sekarang ini sememangnya merasa bersyukur, terutamanya Puan Halimah binti Hassan (114 tahun), Encik Chiew Leow Kee (102 tahun) dan R. Pothaiah (94 tahun), kerana tidak ramai orang yang berkesempatan melihat sebuah bandar melintasi ambang zaman seratus tahun. Teluk Intan (yang selama seratus tahun sebelum ini dikenali sebagai Teluk Anson) bukan hanya merupakan bandar yang bersejarah bahkan bandar yang penting di dalam sejarah Malaysia.

Banyak juga bandar-bandar yang muncul sezaman dengan Teluk Anson yang kemudian merosot kerana faktor ekonomi yang membawa kepada kelahirannya kemudian mengakibatkan kemerosotannya. Nasib Teluk Anson seterusnya baik walaupun hakisan sungai yang semakin teruk itu dianggap oleh setengah pihak sebagai pertanda akan datangnya kemalangan. Sesungguhnya hanya sebahagian kecil sahaja bandar yang terancam. Peluasan sesebuah bandar ke kawasan yang baru bukan satu perkembangan unik. Bila penduduk di satu-satu bandar bertambah ramai, sememangnya sempadan bandar itu harus diperluaskan. Jika sekiranya hakisan sungai boleh mendatangkan sebuah bandar satelit, itu sebenarnya merupakan satu keuntungan kepada Teluk Intan. Itu, pada hakikatnya, berlaku pada Ipoh satu masa dahulu; kini bandar lama dan bandar baru telah diintegrasikan sehingga penduduk Ipoh zaman sekarang tidak menyedari bahawa kejadian itu pernah berlaku.

Bandar lama Teluk Intan jelas akan tetap hidup untuk suatu jangkamasa jauh ke hadapan; di samping itu bangunan-bangunan baru (seperti hospital daerah) akan dibina di kawasan-kawasan baru menjadikan Teluk Intan lebih besar dan kemungkinan besar lebih mewah dan makmur.

Amat penting untuk generasi muda sekarang memahami proses perubahan dan perkembangan yang pernah dialami oleh generasi tua. Banyak yang dapat dipelajari daripada faktor-faktor alam sekitar atau kemanusiaan yang memberi kesan kepada kehidupan manusia; juga, bagaimana perancangan dijalankan guna menemui satu-satu keperluan serta kesan-kesannya. Alangkah eloknya jika sekiranya murid-murid sekolah di satu-satu bandar ataupun kampung dapat mengenali sejarah tempat di mana mereka tinggal supaya mereka tidak hidup

secara kaku tetapi dapat mengerti sedikit sebanyak ikatan di antara manusia dengan ekologi.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Persatuan Muzium Malaysia kerana berjaya menerbitkan buat kali yang kedua sebuah monograf mengenai sejarah bandar di Malaysia. Mudah-mudahan siri ini akan seterusnya dijayakan.

Kepada Professor Khoo Kay Kim, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, dan Encik Jazamuddin Baharuddin, (Kurator Kehormat Muzium Negara), serta mereka yang secara langsung atau tidak langsung telah membantu pengeluaran monograf ini, saya rakamkan penghargaan setinggi-tingginya.

Harapan saya hanyalah monograf-monograf yang seperti ini akan disambut baik oleh masyarakat umum dan selanjutnya menggalakkan mereka untuk tampil ke hadapan menyumbangkan idea, gambar, dokumen, dsbnya agar kajian-kajian yang telah ada sekarang dapat diperbaiki lagi dan dengan perlahan-lahan dapat diwujudkan satu khazanah sejarah bandar yang berguna.

*Shahrudin bin Yub.*

(DATO' SHAHRUM BIN YUB)

Ketua Pengarah,  
Jabatan Muzium  
Merangkap Yang Dipertua  
Persatuan Muzium Malaya.

25 Mei 1982.

# Penghargaan

**S**EPERTI penulis-penulis lain dalam menyediakan buku yang ringkas ini saya banyak berhutang budi kepada pihak/orang perseorangan lain. Terutama sekali saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada DYTM Raja Muda Perak (Raja Musa ibni Almarhum Sultan Abdul Aziz Al-mutasimillah Shah). Muzium Negara Malaysia dan Encik Lau Chun Yau (akitek yang berkhidmat dengan Perunding Bina Alam di Kuala Lumpur) kerana bermurah hati mengizinkan saya menggunakan gambar-gambar yang tersiar di dalam buku ini.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Encik Ahmad Mustafa bin Ismail, bekas penuntut Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Banyak bahan yang didapati di dalam buku ini dipetik daripada kajian ilmiahnya (1976/77) yang berjudul 'Bandar Teluk, Satu Kajian Mengenai Sejarah Pembangunan dan Perkembangannya Dari Sebuah Pusat Tradisional Kepada Pementukan Masyarakat Majemuk'.

Namun demikian segala kelemahan dan kesilapan yang terdapat di dalam buku ini adalah tanggungan saya sendiri. Mudah-mudahan dengan kritikan dan keterangan daripada para pembaca, sejarah Teluk Anson dapat ditulis kembali dengan lebih lengkap dan mendalam.

KHOO KAY KIM  
Professor Sejarah Malaysia

Jabatan Sejarah  
Universiti Malaya

25 Mei 1982.



# Sejarah Ringkas

## Latarbelakang

**B**AHAGIAN induk kerajaan Perak terletak di kawasan Hilir Perak. Ini dapat disimpulkan berdasarkan makam-makam Sultan yang ada di sepanjang Sungai Perak dari Kuala Bidor (Kampung Trengganu) sehingga Teluk Bakung. Kerajaan Perak memang mula-mula bertapak di Sungai Perak; dahulu ia lebih biasa disebutkan sebagai *negeri Perak dan segala jajahan takluknya*. Sebelum berlakunya berbagai perkembangan bermula daripada kurun ke-19, Sungai Perak adalah saluran perhubungan terpenting bagi Kerajaan Perak.

Banyak saudagar yang melawat ke Sungai Perak sejak zaman awal-awal lagi. Pada masa Belanda berada di Melaka, sebuah loji telah didirikan di Tanjung Putus. Satu lagi tempat bersejarah di sepanjang Sungai Perak tetapi kurang diketahui ialah Kota Lumut (bukan kawasan Lumut di Dinding). Pada tahun 1766, Raja Lumu (keturunan Bugis yang diakui sebagai Raja Selangor) telah datang ke Kota Lumut dan di sana baginda ditabalkan oleh Sultan Mahmud (Perak) sebagai Yang Dipertuan Selangor dengan gelaran Sultan Salehuddin.

Sejak awal-awal lagi Perak terkenal sebagai pengeluar bijih timah. Laporan seorang pegawai Inggeris (James Low) mengatakan bahawa bijih timah dikerjakan di Bidor, Batang Padang, Chenderiang, Kampar, Kinta, Sayong, Budara dan Bakau. Bijih timah itu dieksport melalui Sungai Perak. Kebanyakan kapal singah di Kuala Bidor untuk memungut bijih timah. Dan Laksamana Perak mendirikan kediamannya di Kuala Bidor. Tempat itu dianggap strategis; ia membolehkan Laksamana mengawal eksport dan import; dari situ ia dapat mengawasi kapal-kapal yang berlalu di sepanjang Sungai Perak menuju Selat Melaka atau dari Selat Melaka. Nampaknya kapal-kapal yang besar tidak belayar lebih jauh dari Kuala Bidor.

Pada awal kurun ke-19, dalam laporannya mengenai geografi setengah-setengah negeri Melayu, termasuk Perak, seorang Inggeris (John Anderson) telah menyebutkan tempat-tempat yang lebih terkenal di sepanjang Sungai Perak: tempat-tempat itu dari laut

hingga jarak lebih kurang 55 kilometer ke kawasan pedalaman adalah seperti berikut (mengikut ejaan asal):


Palawat  
Sirih  
Dalang  
Pakolit  
Tomanda  
Simpang Binjei  
Harrowan  
Tanjong Putus  
Batu Kubit Jejawi  
Dorian  
Jelawat  
Udang Abu  
Kubu, dan  
Matania

Selanjutnya, tempat yang disebutkan oleh Anderson ialah Kuala Bidor; menurutnya kampung-kampung berhampiran dengan Kuala Bidor ialah: Kijai, Rasau Rabali, Teluk Chang Kalibat, Sirdang, Checkossan dan Krang.

Jika sekiranya maklumat yang diberikan oleh Anderson itu tepat, besar kemungkinan selepas awal kurun ke-19, beberapa perubahan telah berlaku. Sekurang-kurangnya di sepanjang Sungai Perak dalam jarak lebih kurang 10 kilo meter ke bawah Kuala Bidor telah muncul beberapa kampung; yang terpenting ialah Batak Rabbit, Teluk Mak Intan, Pasir Berdamar dan, di kawasan Kuala Bidor sendiri, Durian Sebatang. (Lihat Peta A). Wujudnya tempat-tempat itu tidak perlu diragukan kerana selain daripada Teluk Mak Intan, nama tempat-tempat lain itu masih dikekalkan. Terdapat cerita lisan yang menarik tentang asal usul nama Batak Rabbit, Teluk Mak Intan dan Durian Sebatang.

Tentang Batak Rabbit, dipercayai penduduk asalnya adalah orang Batak. Kemudian datang orang Melayu maka timbullah keperluan untuk membezakan 'Batak' dengan 'Melayu'. Untuk mengatasi masalah itu satu aturan telah diadakan oleh penghulu kampung. Aturan itu mewajibkan orang Batak di situ menebuk telinga dan memakai subang. Tidak lama selepas itu orang Batak telah menjadi sasaran ejekan dan sindiran orang Melayu yang memperolokkan tentang keadaan telinga orang Batak yang seolah-olah koyak atau *rabit* itu. Justeru itu, lama kelamaan ia menjadi kesedapan kepada sebutan penduduk-penduduk di kampung itu maka tempat itu dinamakan *Batak Rabbit*.

Mengenai Durian Sebatang pula, menurut cerita orang tua-tua, kampung itu mendapat namanya demikian kerana di hujung tanjung kampung tersebut terdapat sepohon pokok durian yang sangat tinggi lagi besar. Orang yang berlalu di kawasan itu dapat melihat pohon tunggal itu dari jarak jauh. Apabila ternampak sahaja pohon itu,



Tapak di mana Bandar Teluk Anson diletakkan.

mereka merasa amat gembira kerana ia seolah-olah memberi isyarat ke mana mereka akan sampai. Biasanya terluncat kata-kata "Nun dia durian sebatang" di mulut orang-orang yang datang ke kampung itu. Dengan demikianlah kampung itupun dikenali sebagai *Durian Sebatang*. Nampaknya apabila nama Durian Sebatang menjadi termasyhur, nama 'Kuala Bidor' dengan beransur-ansur telah lenyap pada hal sehingga sekurang-kurangnya pertengahan kurun ke-19, kawasan pertembungan Sungai Bidor dengan Sungai Perak lebih biasa dikenali sebagai *Kuala Bidor* (sebagaimana disebutkan dalam laporan John Anderson). Yang ganjilnya, kemudian (tetapi tidak jelas bila) di Durian Sebatang muncul pula sebuah kampung yang diberi nama *Kampung Trengganu*. Emily Innes yang berada di Durian Sebatang pada lewat 1870-an tidak menyebut tentang Kampung Trengganu walaupun beliau memberi gambaran yang agak terperinci tentang

Durian Sebatang dalam bukunya *The Chersonese With The Gilding Off* (dicetak kembali oleh O.U.P., Kuala Lumpur, 1974). Bagi Emily Innes (isteri James Innes yang berkhidmat di Durian Sebatang sebagai *Superintendent of Lower Perak*), Durian Sebatang tidak lebih daripada "a wretched Chinese village, built on a flat mud-swamp" dan kononnya, tempat itu terkenal sebagai "a white man's grave".

Tempat yang sepatutnya diutamakan dalam kajian ini ialah Teluk Mak Intan. Tempat itu adalah tapak di mana terdapat pada masa sekarang bangunan Balai Polis lama dan juga kawasan di sekelilingnya. Menurut cerita lisan, kampung itu diasaskan lebih lewat daripada Batak Rabbit dan Durian Sebatang. Antara penduduk yang mendiami kampung waktu ia mula-mula dibuka ialah seorang wanita yang dikenali sebagai Mak Intan. Dipercayai beliau berasal daripada keluarga yang berpengaruh. Pada suatu hari Mak Intan dengan beberapa orang sahabat sedang mandi dan bersukaria di sungai (bahagian teluk), tiba-tiba pacak intan pemberian orang tuanya yang dipakai di sanggulnya tercipir dan hilang dalam sungai. Oleh kerana peristiwa itu seringkali disebut-sebutkan orang maka lama kelamaan kampung itupun dipanggil orang *Teluk Mak Intan*.

Kedudukan Teluk Mak Intan lebih elok jika dibandingkan dengan kedudukan Durian Sebatang atau Batak Rabbit. Kampung ini bebas dari serangan banjir; oleh yang demikian ia sesuai untuk tanaman ubi, jagung, pisang dan tanaman lain. Tebingnya kelihatan kukuh dan perairannya pun dalam. Oleh kerana ekonominya maju, pendudukannya kian bertambah. Di antara mereka yang bermastautin di situ termasuk orang Rawa, Mendeling, Jawa, Kampar dan India Bombay. Begitulah penerangan yang diperolehi daripada cerita lisan. Dalam laporan pegawai-pegawai Inggeris, mulai pertengahan 1870-an, kelebihan Teluk Mak Intan tidak disebutkan sehingga Hugh Low menjadi Residen Perak (pada 1877).

### **Kedatangan Inggeris**

Sejarah campurtangan Inggeris di Perak tidak perlu diulangi kerana telah diketahui umum. Akibatnya J.W.W. Birch dilantik sebagai Residen pertama. Pada waktu itu Hilir Perak tetap dianggap bahagian Perak yang terpenting. Birch memilih Bandar Baru, tidak jauh ke utara Kuala Bidor, sebagai pusat pentadbirannya. Birch juga merasa perlu berada di Hilir Perak kerana Sultan Abdullah (yang dilantik oleh British) bersemayam di Batak Rabbit. Birch terbunuh pada tahun 1875 dan dikebumikan di Bandar Baru juga. Birch tidak sempat memberi perhatiannya kepada pembangunan. Residen kedua di Perak ialah James Guthrie Davidson (Residen pertama Selangor) tetapi tidak lama berada di Perak. Residen yang ketiga, Hugh Low, hanya tiba pada tahun 1877. Beliau memilih Taiping sebagai pusat pentadbiran.

Dari masa itu sehingga Perang Dunia II, Taiping dikekalkan sebagai ibu negeri Perak. Semasa Bandar Baru menjadi pusat pentadbiran Perak, Penolong Residen (Kapt. Speedy) ditempatkan di Taiping. Ketika Hugh Low menjadi Residen, Kapt. Speedy dipindah

ke Durian Sebatang. Tetapi beliau tidak lama tinggal di situ. Beliau dianggap boros dan tidak cekap sebagai pentadbir. Dalam laporannya mengenai Kapt. Speedy dan Durian Sebatang, Hugh Low menulis pada tahun 1877.

There is nothing to show for it but a few ditches of a very small size. I went down the road it was quite impassable for carts. He and I could not quite hit it off about the proper sites for public buildings and Chinese houses, river view he says will interfere with the comfort or privacy and outlook of the Residency....

Dalam keadaan baru berikutan dengan pembunuhan Birch, pihak British lebih menaruh kepercayaan kepada Hugh Low. Oleh yang demikian, Kapt. Speedy tidak lama berada di Durian Sebatang; pada tahun 1877 juga, beliau terpaksa meletakkan jawatan. W.E. Maxwell dilantik sebagai Penolong Residen mulai 1878 tetapi bertempat di Taiping kerana Hugh Low lebih suka tinggal di Kuala Kangsar. Dengan itu kedudukan Hilir Perak diturunkan lagi. Durian Sebatang hanya dijadikan pusat pentadbiran untuk Hilir Perak. Pegawai yang bertanggungjawab diberi gelaran *Superintendent of Lower Perak*. Penyandang jawatan itu yang pertama ialah W.F.B. Paul. Semasa Paul bercuti pada tahun 1878, James Innes mengambil tempatnya. Pada awal 1880-an, isteri James, Emily, menerbitkan bukunya (*The Chersonese With The Gilding Off*) yang memberi gambaran terperinci tentang keadaan Durian Sebatang.

Semenjak Hugh Low mula-mula menjadi Residen Perak lagi, beliau telah merasa tidak puashati dengan keadaan di Durian Sebatang. Beliau menulis (1877):

The town is so confined a space that some of the streets are only 12 feet wide so that contagious disease or fire must run freely through the place and the present Residency [kediaman Kapt. Speedy] is intended to be at Teluk Malunting. Why was the town also not ordered to be built there and the greater part of 7000 dollars saved? I will send Villipilar there and make him make a plan of such a town as might be built in Teluk Malunting. I would then propose that all the Chinese who have built on the point at Durian Sebatang should be bound to remove to the more favourable place ... I would insist on this. The Customs house, the court house, landing jetty and chief police station should be put there at once. I will send the plan and write on the subject to Singapore as soon as I can ....

Jelas bahawa kelebihan Teluk Mak Intan (disebutkan sebagai Teluk Malunting oleh Hugh Low) telah ternampak oleh Speedy tetapi beliau hanya bertujuan memindahkan Residensinya ke situ untuk keselesaan diri sendiri pada hal Hugh Low membuat keputusan untuk mendirikan sebuah bandar baru di Teluk Mak Intan.

Sebagaimana disebutkan oleh Hugh Low pembinaan bandar baru memerlukan kebenaran daripada Gabenor Negeri-negeri Selat yang bertempat di Singapura (pada masa itu belum diwujudkan lagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu). Kebetulannya pada masa Hugh

Low menghubungi Singapura mengenai bandar yang dirancangan itu, Lt. Kol. Archibald Anson sedang memangku jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat (1879–1880). Beliau bukan hanya mengambil berat tentang rancangan Hugh Low itu tetapi telah melukis plan yang pertama bandar yang dicadangkan itu.

Walaupun bandar baru yang dicadangkan itu akan dijadikan pusat pentadbiran untuk Hilir Perak, Durian Sebatang tetap dianggap penting sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan terutamanya untuk memberi perkhidmatan kepada kawasan Bidor dan Tapah. Oleh yang demikian pihak pentadbiran British mengambil keputusan menggali sebatang terusan untuk menghubungkan bandar baru di Teluk Mak Intan dengan Durian Sebatang. Rancangan ini telah mendapat persetujuan Gabenor baru Negeri-negeri Selat, Sir Frederick A. Weld, yang telah mula berkhidmat pada bulan Mei 1880. Weld melawat Durian Sebatang pada bulan September 1881 dan melaporkan bahawa.

At Durian Sebatang the seat of the Superintendency of Lower Perak, the new canal approved of by me on my first visit to Perak is fast approaching completion and promises to be a most useful work.

Pada masa itu bandar baru di Teluk Mak Intan telahpun hampir sedia. Dalam mesyuarat Majlis Negeri yang berlangsung pada 15 Mac 1882, Hugh Low telah mencadangkan supaya:

... the new Settlement at Telok Ma' Hitam [Teluk Mak Intan] ... be known as 'Telok Anson', in compliment to General Anson, who drew the first plan of the town and took great interest in its removal from Durian Sebatang. The name Telok Ma' Hitam has also been found inconveniently long.

Cadangan itu diterima oleh Majlis maka lahirlah **Teluk Anson** secara rasmi.

Ketika itu terusan yang sedang dibina itu masih belum siap. Pada bulan Mei 1883, Gabenor Weld sekali lagi melawat Teluk Anson dan melaporkan:

On my return [from Penang] after a break-down caused either by the machinery or by the neglect of the Eurasian Engineer of this small boat [*Pilot Fish*], I at length reached Teluk Anson, the head-quarters of Lower Perak about 26 miles from the mouth of that river. As I had not visited it for sometime, I was received with great demonstrations of joy by Malays, Klings and Chinese. The change of the Town site from Durian Sebatang has been quite successful. Many good buildings have been erected and streets well laid out. The canal, which saves eight miles of river navigation is likely to be a success and is nearly finished. The hospital is commodious and in good order, and everything reflects much credit on Mr. Denison, the Superintendent of Lower Perak.

Antara bangunan-bangunan yang terawal dibina ialah rumah Pegawai Daerah, bangunan mahkamah dan pejabat kerajaan yang lebih



Lieut-Colonel (kemudian General Sir) Archibald Edward Harbord Anson (1826–1925) R.A., K.C.M.G. mendapat latihan di *Royal Military Academy*, Woolwich, England. Beliau pernah berkhidmat dalam Perang *Crimean* dan menyandang jawatan *Inspector-General of Police* di Mauritius, 1858–1867. Bila Negeri-negeri Selat menjadi *Crown Colony* pada tahun 1867, Anson telah dilantik sebagai *Lieut-Governor* Pulau Pinang yang pertama. Jawatan ini dipegangnya sehingga beliau bersara pada tahun 1883. Beliau juga pernah menjadi Pemangku Gabenor selama tiga kali (1871, 1877 dan 1879–1880). Pada tahun 1920 beliau menerbitkan otobiografinya yang berjudul, *About Others and Myself*, 1745–1920.

terkenal sebagai 'rumah tiang seribu'. Satu keistimewaan bangunan tiang seribu ini ialah pembinaannya tidak memakai paku; segala-galanya dipasak/pahat sahaja. Bangunan itu berdiri lebih kurang di kawasan Majlis Bandaran sekarang. Di samping itu terdapat juga rumah dobi kerajaan, bangunan hospital, rumah kastam dan tempat kediaman buruh (*coolie lines*) di kawasan Jalan Mahkota sekarang.

Untuk membina terusan itu pihak pentadbiran British telah meminta jasa baik penghulu tempatan menghantar anak buah mereka; pekerja-pekerja dibayar 20 sen sehari. Kerja membina terusan, juga bangunan-bangunan dan jalan raya, sentiasa tergendala kerana peruntukan kerajaan tidak mencukupi. Menjelang tahun 1884 barulah siap dibina terusan itu yang banyak memberi faedah kepada penduduk tempatan. Mereka tidak perlu menjinjing atau menjunjung barang-barang yang akan dipasarkan maka terusan itu sentiasa sibuk dengan sampan atau perahu, lading atau sekuci yang celus celas.

Tetapi apabila selesai sahaja pembinaan terusan itu telah timbul masalah kerana ada pegawai-pegawai tinggi yang merasa tidak puas-hati. Swettenham (Pemangku Residen), misalnya, dalam laporannya mengenai *Revenue and Expenditure Perak 1884*, mengatakan bahawa.

... it [the canal] has proved a failure .... The state engineer informs me that the canal works were not carried out in accordance with his instructions and that the defects are due to this cause....

Tambahan pula, terusan itu membahagikan Teluk Anson kepada dua bahagian – bangunan-bangunan kerajaan terdapat di bahagian selatan dan kedai-kedai di bahagian utara terusan. Satu lagi faktor yang memberi kesan penting ialah perkembangan teknologi. Pada pertengahan 1880-an, Tanah Melayu telah memasuki zaman keretapi. Di kawasan Larut, perkhidmatan keretapi (yang menghubungkan Taiping dengan Port Weld) bermula pada tahun 1885. Kedatangan keretapi bertujuan mengurangkan keperluan untuk bergantung kepada pengangkutan sungai.

### **Keretapi Ipoh-Teluk Anson**


Jalan keretapi dibina bagi menghubungkan Taiping dengan Port Weld terutamanya untuk memudahkan pengangkutan bijih timah dari kawasan perlombongan ke pelabuhan yang paling dekat dengan laut. Tetapi setelah bermulanya perkhidmatan keretapi Taiping-Port Weld, kawasan Larut mulai merosot sebagai pusat pengeluaran bijih timah. Mulai lewat 1880-an bijih timah terjumpa dengan jumlah yang jauh lebih besar di kawasan Kinta. Perkembangan perlombongan bijih timah kemudian membawa kepada perkembangan dan peluasan Ipoh sebagai sebuah bandar.

Dengan berpindahannya fokus kepada kawasan Kinta maka pertimbangan utama bagi pihak pentadbiran ialah jalan keluar untuk eksport Kinta. Kawasan Kinta terletak di bahagian pedalaman. Selain daripada jalan darat, jalan yang paling efisien ialah Sungai



Kinta yang mengalir ke Sungai Perak. Kedua sungai itu bertembung di suatu kawasan (Indera Sakti) tidak berapa jauh ke utara Kuala Bidor. Tetapi Sungai Kinta tidak begitu luas ataupun dalam. Dan di antara dua pelabuhan utama Perak pada masa itu – Port Weld dan Teluk Anson – pelabuhan di Hilir Perak itulah yang lebih sesuai untuk memberi perkhidmatan kepada Ipoh.

Mula-mula, Noel Denison, *Superintendent* Hilir Perak memperakukan supaya jalan trem dibina untuk menghubungkan Teluk Anson dengan Tapah. Cadangan ini dipersetujui oleh Sir Frederick Weld. Setelah Sir Frederick bersara pada tahun 1887, Sir Cecil Clementi menggantikannya. Pada tahun 1889 Frank Swettenham dilantik menjadi Residen Perak. Swettenham dan Spence Moss (Jurutera Penasihat kepada Keretapi) memperakukan kepada Sir Cecil supaya keretapi dan bukan trem diadakan untuk menghubungkan Teluk Anson dengan Tapah (yang sememangnya akan dihubungkan dengan Ipoh melalui keretapi). Cadangan Swettenham dan Moss mendapat perkenan Gabenor Sir Cecil.



- 1 Perhentian keretapi dan dermaga pelabuhan di Jalan Denison (sekarang Jalan Wah Keng Jooi).
- 2 Perhentian keretapi baru setelah landasan keretapi dipindah ke pelabuhan baru.
- 3 Pelabuhan baru.

Keputusan untuk memulakan pembinaan jalan keretapi pada tahun 1891 di antara Ipoh-Tapah Road dan di samping itu Tapah Road-Teluk Anson dengan menggunakan kontrektor kemudian tergendala kerana Jurutera Keretapi pada tahun 1893 melaporkan bahawa kerja itu dapat dijalankan dengan lebih efisien dan murah oleh Keretapi sendiri. Kontrek untuk membina jalan keretapi Ipoh-Tapah Road telah dibatalkan tetapi jalan Teluk Anson-Tapah Road siap dibina dan perkhidmatan keretapi dapat dimulakan pada tahun 1893, sebagaimana juga perkhidmatan di antara Ipoh dengan Batu Gajah yang telah dilanjutkan ke Kota Baharu (Perak) pada tahun 1894. Pada tahun 1895, bahagian Ipoh-Tapah Road pun dapat diselesaikan maka perhubungan di antara Teluk Anson dengan Ipoh dapat diwujudkan. Teluk Anson mulai masa itu dikenali sebagai pelabuhan untuk daerah Kinta.

Kerana keretapi adalah untuk memudahkan pengangkutan eksport bijih timah dari Kinta ke pelabuhan di Teluk Anson, pada masa awal itu, jalan keretapi di Teluk Anson mula-mula menuju pusat bandar dan perhentian keretapi berhampiran dengan pelabuhan. (Lihat Peta B dan C). Kemudian hakisan tebing sungai berlaku; pada tahun 1909 jeti dipindah ke tapak baru. (Lihat Peta B). Oleh yang demikian, landasan keretapi pun terpaksa dipindah supaya menuju pelabuhan baru. Jalan keretapi dari Tapah Road ke Teluk Anson mengikut haluan lurus (iaitu jarak paling dekat di antara dua tempat itu). Maka terpaksa dibina jambatan untuk keretapi menyeberangi Sungai Bidor di kawasan Sungai Nibong. Jambatan ini menghubungkan Sungai Nibong dengan Sungai Manik.


Dengan adanya perkhidmatan keretapi yang juga dapat memberi perkhidmatan kepada kawasan pendalaman di antara Tapah Road dengan Teluk Anson, langkahpun diambil untuk mengambus terusan. Pada tahun 1896, dalam *Lower Perak Half Yearly Report*, dikatakan bahawa:

.. 4 carts were used for removal of refuse ... an average 17 cart loads removed and dumped at the old canal. A considerable portion of the canal have been filled up ... about 460 cubic yards of sand in addition to 1,666 cubic yards by Public Works Department ... used to fill up the canal at a cost of \$500.00 ....


Setelah ditutup keseluruhan terusan itu maka iapun dijadikan sebatang jalan dan dinamakan *Canal Road* (sekarang Jalan Selat).

Pemulaan perkhidmatan keretapi serta terkambusnya terusan merupakan dua sebab yang mendatangkan akibat buruk kepada penduduk tempatan. Sebelum itu merekalah yang memainkan peranan penting mengangkut eksport dan import di antara Kinta dengan Teluk Anson. Mereka menggunakan perahu, lading, sampan atau sekuci. Setelah memuatkan barang-barang di tepi kapal, mereka terus menuju Sungai Kinta. Barang-barang yang dibawa mereka adalah untuk penggunaan para pelombong dan juga orang-orang kampung di pesisir Sungai Perak yang akan mereka tempuhi dalam

PETA C



Kawasan dermaga, pelabuhan Teluk Anson dan perhentian keretapi di Jalan Denison (sekarang Jalan Wah Keng Jooi) sebelum 1909 (Pelan 69-4-9, R.T.S. 12/1906, Pejabat Ukur Perak).



Bangunan-bangunan Keretapi

- 1 Bengkel
- 2 Bangsal enjin
- 3 Bangsal kenderaan

perjalanan ke Kinta. Terusan di Teluk Anson memang meningkatkan perjalanan mereka. Apabila tiba di sesebuah kampung, gongg dibunyikan untuk menarik para pelanggan. Sampai ke Kinta, mereka memunggah segala keperluan pelombong-pelombong dan sebagai gantinya mengangkut naik pula bijih timah dalam perjalanan kembali ke Teluk Anson. Sistem pengangkutan ini serta perdagangannya mulai merosot pada 1890-an.

Tetapi pelabuhan Teluk Anson bertambah penting. Banyak kapal yang singgah di Teluk Anson, antaranya, *Ooriya, Mena, The Rapid, S.S. Kwan Tung, Sea Belle, Sri Kinta, Snipe, S.S. Malacca, Semiramis*, dsbnya. Kapal-kapal itu mempunyai kipas yang terletak di kiri kanan badannya ataupun di buritannya dan dipanggil orang Teluk Anson kapal 'roda lambung'. Denison pernah mencatatkan:

On Sunday 16 April, 1893 Teluk Anson presented a very lively appearance there being no less than 6 steamers laying here at anchor ....

Apabila Teluk Anson bertambah maju, pelabuhannya telah dimodankan lagi dengan pembinaan dermaga dan jeti guna memudahkan kerja mengangkut dan memunggah bijih timah. Gudang-gudang untuk menyimpan bijih timah juga didirikan. Bilangan kapal yang masuk dan berlabuh kian bertambah jumlahnya sehingga awal kurun ke-20. Dalam satu laporan rasmi (1903) dinyatakan:

... six hundred and forty steamers entered the port of Teluk Anson as against 514 in 1902 while the tonnage increased from 130,213 in 1902 to 158,845 in 1903 ....

Sememangnya jumlah bijih timah yang dieksport melalui pelabuhan Teluk Anson telah juga bertambah. Perangkaan-perangkaan yang berikut memberi gambaran yang jelas:

Tahun	Jumlah Bijih Timah Dieksport	Cukai
1891	1,711	\$5,784.62
1908	379,670	\$3,285,107.00

Dengan merosotnya Larut sebagai pusat perlombongan maka Teluk Anson juga telah mendahului Port Weld sebagai pelabuhan negeri Perak. E.W. Birch (Penolong Residen Perak) menulis (1895):

... the Government has I am glad to report now given to Teluk Anson the attention that is very necessary to a place which will be for several years to come the principal port of this state ....

Keretapi bukan sama sekali tidak memberi faedah kepada orang tempatan. Jambatan yang menyeberangi Sungai Bidor di kawasan Sungai Nibong, misalnya, telah memberi kemudahan yang amat besar kepada penduduk Sungai Manik, Sungai Kerawai, Labu Kubung dan kawasan sekitarnya. Mereka boleh menggunakan keretapi untuk

membawa hasil jualan mereka ke Teluk Anson dan di samping itu membolehkan mereka membeli barang-barang keperluan di bandar.

Perdagangan yang dijalankan melalui pelabuhan Teluk Anson boleh dibahagikan kepada dua kategori: satu *domestic* dan satu lagi antarabangsa. Mengenai yang pertama, Teluk Anson adalah tumpuan segala hasil keluaran kampung-kampung di Hilir Perak. Barang-barang seperti buah-buahan, padi, atap, daun nipah, rotan, kayu-kayan dan lain-lain hasil hutan tiba ke jeti Teluk Anson dengan sampan dan perahu. Di sana dagangan itu segera bertukar tangan dengan para pembeli atau saudagar Cina yang kemudiannya menghantar hasil tersebut ke pusat-pusat penjualan di tengah-tengah bandar, biasanya di pasar. Ada juga barang-barang yang dihantar ke tempat lain. Dalam *Annual Report on the Lower Perak District for 1891* dinyatakan bahawa eksport buah-buahan dari Teluk Anson sepanjang musim itu ialah.

Buah-buahan	Jumlah (biji)	Nilai (ringgit)
Durian	74,860	3,743.00
Manggis	850,400	14,252.00
Rambutan	650,400	1,040.00

Atap juga mendatangkan pendapatan yang besar bagi daerah Hilir Perak – pada tahun 1891 pendapatan daripada atap berjumlah \$14,400.00.

Mengenai perdagangan antarabangsa, sebagaimana telah disebutkan bijih timah adalah eksport terpenting dari pelabuhan Teluk Anson. Terdapat eksport lain juga, misalnya, nilam (*pogostemon patchouli*). Daunnya biasa dieksport ke Pulau Pinang. Nilam digunakan untuk membuat minyak wangi. Hubungan di antara Teluk Anson dan Pulau Pinang sangat rapat. Walaupun dari pelabuhan Teluk Anson keluar juga eksport untuk pasaran dunia, ia sendiri bukan sebuah pelabuhan antarabangsa: Teluk Anson tiada hubungan perdagangan secara langsung dengan negara luar. Pulau Pinang adalah pelabuhan yang memberi perkhidmatan kepada Perak. Maka import juga (seperti beras, gambir, garam, candu, arak, tembakau, dan lain-lain) di bawa ke Teluk Anson melalui Pulau Pinang.

### Hakisan Sungai dan Pelabuhan Baru

Hakisan sungai bukanlah masalah Teluk Anson yang hanya dihadapi pada kurun ke-20 ini. Dalam catatan Hugh Low tahun 1877, iaitu sebelum Teluk Anson diasaskan, masalah hakisan disebutkan. Namun demikian, waktu memilih tapak untuk membina dermaga, nampaknya tiada pertimbangan diberikan kepada faktor hakisan. Maka pada 30 Jun 1901 semasa pelabuhan Teluk Anson sedang menikmati kemajuan yang semakin baik, satu laporan telah dikeluarkan oleh Pejabat Kejuruteraan Residen mengenai keruntuhan bangsal-bangsal untuk menyimpan bijih timah di dermaga Teluk

Anson. Pada tahun yang berikut dalam satu laporan lain (*FMS Council Report 1902*) dikatakan:

... the port of Teluk Anson continues to be unfortunate in the matter of erosion of its banks on which the Railway goods and passenger stations are situated, a source of anxiety and expense....

Pada tahun 1903, satu lagi laporan yang lebih serius telah dikeluarkan yang menyatakan bahawa sebahagian bandar Teluk Anson itu sendiri adalah dalam bahaya kerana akan musnah disapu oleh arus Sungai Perak.

Oleh yang demikian pihak pentadbiran telah mengambil tindakan untuk menyelamatkan keadaan buruk itu. J.E. Spring, seorang pakar, telah dihubungi dan beliau mengemukakan dua langkah yang boleh diambil:

1. Dengan binaan-binaan yang tertentu, ditaksirkan memakan belanja \$500,000, hakisan dapat dikawal dan pelabuhan terus digunakan.
2. Memindahkan dermaga ke suatu tempat yang lebih sesuai dan selamat di mana bandar Teluk Anson dapat berkembang seterusnya.

Setelah mengkaji kedua-dua cadangan itu, pihak pentadbiran memilih langkah yang kedua.

Maka bermulalah kerja-kerja untuk memindahkan pelabuhan Teluk Anson ke satu kawasan baru lebih kurang 4 kilometer dari pusat bandar dan kira-kira 2½ kilometer ke bawah Batak Rabbit. (Lihat Peta B). Kerja perpindahan itu diselenggarakan oleh Keretapi FMS kerana landasan keretapipun dipindah. Pada tahun 1908, E.W. Birch (Residen Perak) melaporkan:

Great progress was made with the new railway station and wharves at Teluk Anson. The site is excellent and the arrangements appear to be very complete....

Pelabuhan dan perhentian baru itu telah dibuka pada 24 Mac 1909 dan wujud sehingga hari ini. Pelabuhan baru itu didapati lebih baik terutamanya kerana perairannya lebih dalam; ia memberi kemudahan kepada kapal-kapal besar bergerak dan berpusing. Maka kapal-kapal besarpun tidak menghadapi kesusahan berlabuh berhampiran dengan jeti. Sebaik sahaja pelabuhan itu dibuka pada tahun 1909 dilaporkan bahawa sejumlah 680 buah kapal dengan *tongage* 152,145 telah masuk berlabuh. Pada tahun 1920, jumlahnya meningkat menjadi 266,597 tan.

Hakisan sungai ini telah mengakibatkan kerugian yang besar. Terdapat tiga kawasan di Teluk Anson yang mengalami hakisan yang serius. Yang pertama ialah Jalan Denison (sekarang Jalan Wah Keng Jooi). Ini adalah di antara jalan terawal dibina; ia adalah bahagian

bandar yang paling sibuk. Yang kedua ialah kawasan di belakang hospital. Dan yang ketiga ialah kawasan Jalan Batak Rabit (sekarang Jalan Maharaja Lela) tidak begitu jauh dari dermaga yang pertama. Tetapi hakisan di kawasan yang ketiga itu berlaku lebih lewat sedikit; sebahagian Jalan Batak Rabit (Jalan Maharaja Lela) terpaksa ditutup pada 1970-an.

Harapan bahawa dengan wujudnya pelabuhan baru, di kawasan sekitarnya akan berkembang bandar Teluk Anson tidak terjadi. Sehingga masa sekarang hanya terdapat bangunan-bangunan kedai yang dikenali sebagai 'rumah pintu 10'. Walau bagaimanapun oleh kerana ada pelabuhan serta landasan keretapi di kawasan itu kemudian ia dijadikan depot Shell (petroleum).

Hakisan sungai serta perpindahan dermaga dan landasan keretapi tidak juga memberi kesan buruk kepada bandar Teluk Anson yang asal. Keistimewaan Teluk Anson adalah kerana kedudukan geografinya. Ia memberi perkhidmatan kepada suatu kawasan yang luas di sekelilingnya bukan hanya kampung-kampung di sepanjang Sungai Perak bahkan kampung-kampung di sebelah utara muara Sungai Bernam, terutamanya Hutan Melintang, yang terletak lebih kurang 13 kilometer dari Teluk Anson.

Yang lebih penting ialah kawasan ke utara, timur dan selatan Teluk Anson dalam abad ke-20 muncul sebagai kawasan pertanian. Perkembangan ini sebenarnya yang menyelamatkan Teluk Anson dan menolong mengekalkannya sebagai pusat pentadbiran yang mustahak kerana pada awal kurun ke-20 lanjutan landasan keretapi dari Ipoh ke utara dan selatan kemudian memisahkan Teluk Anson daripada Ipoh.

Pihak pentadbiran British memang sentiasa berikhtiar memperbaiki infrastruktur, terutamanya sistem pengangkutan, untuk memajukan ekonomi. Pada tahun 1903 perkhidmatan keretapi di antara Tanjung Malim (bandar yang terletak di sempadan Perak-Selangor) dengan Seberang Prai (yang berhadapan dengan pelabuhan Pulau Pinang) telahpun dapat diwujudkan dan pada tahun yang sama dilanjutkan kepada bandar Seremban. Pada 1 Julai 1909, landasan keretapi yang melintasi negeri Johor telah dibuka maka perhubungan terus-menerus di antara Seberang Prai dengan Johor Bahru dapat ditetapkan. Ini bermakna pusat perlombongan seperti Ipoh, Kuala Lumpur dan Seremban telah dihubungkan secara langsung dengan pelabuhan Pulau Pinang dan Singapura walaupun Tambak Johor hanya siap dibina pada tahun 1923. Tetapi pada tahun 1909 Selat Tebrau bukan rintangan yang besar kepada perhubungan Johor-Singapura kerana dari Woodlands terdapat keretapi yang menghubungkan Kranji dengan bandar Singapura.

Wujudnya keretapi utara-selatan memberi kesan buruk kepada pelabuhan-pelabuhan seperti Port Weld, Teluk Anson, Pelabuhan Kelang (dahulu Port Swettenham) dan Port Dickson. Sebelum itu pelabuhan-pelabuhan ini dihubungkan dengan kawasan perlombongan. Dengan adanya keretapi utara-selatan pusat perlombongan tidak perlu lagi bergantung kepada pelabuhan di sebelah barat Semenanjung.



jung. Maka yang menyelamatkan Teluk Anson ialah perkembangan pertanian terutamanya getah. Maka pada tahun 1908, Residen Perak (E.W. Birch) mengatakan bahawa:

In Lower Perak the rubber estates have altered the appearance of the district.

Beribu-ribu hektar tanah telah dimajukan untuk tanaman getah. Di antara ladang-ladang yang mula-mula sekali dibuka di Teluk Anson ialah *Cicely Estate* yang terletak di Jalan Changkat Jong, hanya beberapa kilometer dari bandar Teluk Anson.

Tapak *Cicely Estate* itu mula-mula ditanam dengan getah lebih kurang pada tahun 1899 tetapi tidak berjaya. Tempat itu telah menjadi terbiar waktu Maurice Maude membelinya dengan harga \$25,000 pada tahun 1905. Beliau sebenarnya berkongsi dengan dua orang, Aylesbury dan Garland, dari Ipoh. Selanjutnya sebuah syarikat telah dilancarkan di England dengan modal sebanyak £12,000. Di bawah pengurusan Maude, ladang getah itu mendatangkan hasil yang baik. Luasnya kawasan ladang *Cicely* adalah di sekitar 830 ekar. Maurice Maude datang ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu lebih kurang pada tahun 1896 setelah memperolehi beberapa tahun pengalaman sebagai seorang peladang di West Indies dan Australia. Beliau adalah saudara pada Cyril Maude, seorang aktor terkenal di London yang juga merupakan pemilik teater baru iaitu *The Playhouse*.

Aylesbury dan Garland juga menjadi agen untuk Straits Plantations Company yang membuka Bagan Datoh Estate – luasnya 1,734 hektar. Pada awal abad ke-20, hanya 648 hektar ladang itu yang telah diusahakan dan ditanam dengan bukan getah tetapi kelapa. Bagan Datoh waktu itu belum lagi dihubungkan dengan Teluk Anson di darat tetapi setiap hari ada perhubungan melalui kapal di antara Bagan Datoh Estate dengan Teluk Anson. Hasil ladang itu dihantar ke Pulau Pinang. Pengurus ladang pada masa itu ialah John Crowie dan pembantunya Gillespie dan Frankie. Buruhnya terdiri dari orang Tamil dan Jawa.

Sezaman dan berhampiran dengan *Cicely Estate* ialah Somerset Rubber Estate. Luasnya ialah lebih kurang 259 hektar. Pada tahap awal, hanya 142 hektar sahaja yang telah ditanam dengan getah. Ladang itu diuruskan oleh William Dell yang telah datang ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu lebih kurang pada tahun 1900. Beliau juga mempunyai banyak pengalaman sebagai peladang.

Ladang yang paling dekat dengan bandar Teluk Anson ialah Batak Rabbit Estate – lebih kurang  $4\frac{1}{2}$  kilometer dari bandar dan 2 kilometer dari perhentian keretapi serta pelabuhan baru. Ladang itu telah dibuka pada tahun 1906 dan luasnya di sekitar 1,700 hektar. Walaupun ladang ini memberi keutamaan kepada getah, ia mempunyai rancangan juga untuk menanam ubi kayu dan kacang. Buruhnya terdiri daripada orang Tamil dan pengurusnya ialah William Duncan yang pernah bekerja di Rubana Estate (lebih awal dibuka daripada Batak Rabbit Estate). Tetapi pemilik Batak Rabbit

Estate ialah Murison Allan daripada firma penguambela Messrs. Adams & Allan, Pulau Pinang.

Cicely, Bagan Datoh, Batak Rabit dan Somerset hanya empat daripada banyak lagi ladang yang telah wujud di Hilir Perak pada awal kurun ke-20. Keseluruhannya, pada tahun 1908 telah ada 23 ladang di Hilir Perak di mana beberapa jenis pertanian diusahakan, getah sememangnya menduduki tempat yang pertama. (Lihat senarai lengkap di sebelah).

Hasil tananam itu adalah untuk eksport dan oleh yang demikian menggunakan kemudahan pelabuhan Teluk Anson. Perkembangan pertanian juga mengakibatkan bertambahnya penduduk-penduduk imigren di kawasan sekitar Teluk Anson, terutamanya, orang Tamil dan Jawa. Bertambahnya bilangan penduduk di sekeliling Teluk Anson memberi nafas baru kepada bandar itu yang telah kehilangan kepentingannya apabila ia tidak lagi menjadi pelabuhan kawasan Kinta setelah selesainya pembinaan landasan keretapi Tanah Melayu utara-selatan. Maka dalam Banci 1931 dikatakan bahawa:

The town of Teluk Anson ... owes its development to agriculture expansion in the surrounding country.

### **Bandar dan Masyarakat**

Selain daripada bangunan-bangunan kerajaan dan rumah kedai yang biasanya menjadi manifestasi perkembangan satu-satu bandar yang juga menjadi pusat pentadbiran yang penting, terdapat bangunan-bangunan lain setengah-setengahnya masih kekal sehingga masa sekarang dan melambangkan tuanya usia bandar Teluk Anson. Yang paling terkenal ialah menara jam yang kini telah condong. Terletak di tengah-tengah bandar, bentuknya agak unik; tiada menara jam di mana-manapun yang serupa dengannya.

Menara jam itu telah dibina oleh seorang kontraktor bernama Leong Choon Choong pada tahun 1885 dan tujuan asalnya adalah untuk menyimpan air bagi penggunaan penduduk Teluk Anson sebelum bekalan air dari Changkat Jong itu disediakan pada tahun 1919. Menara waktu itu berdiri di tepi terusan yang telah siap lebih awal sedikit. Bentuknya seperti sebuah *pagoda*. Dari luar ternampak seolah-olah menara itu adalah bangunan lapan tingkat; sebenarnya hanya terdapat tiga tingkat sahaja. Di tingkat atas sekali terletak tangki air yang boleh memuatkan 19.26 meter padu air. Menjelang Perang Dunia II, pihak pentadbiran bertujuan merobohkan menara itu kerana takut ia menjadi petanda kepada serangan kapal terbang Jepun. Tetapi oleh sebab ditentang oleh penduduk tempatan, cadangan itu kemudian dibatalkan.

Tetapi bangunan yang lebih tua daripada menara jam itu ialah rumah berhalo Cina di Temple Street (Jalan Berhalo). Bangunannya dibina di kawasan Teluk Anson yang paling tua iaitu berhampiran dengan pelabuhan asal di Jalan Denison. Bahagian belakangnya juga digunakan sebagai Persatuan Hokkien. Orang Cina yang awal-awal datang ke Teluk Anson adalah orang Hokkien

## SENARAI LADANG-LADANG DI HILIR PERAK 1908\*

Nama Ladang	Luasnya (hektar)	Jenis Tanaman
1. Sungai Wangi	2,834	Tidak diketahui
2. Nova Scotia	2,601	getah, tebu
3. Rubana	1,889	getah para
4. Bagan Datoh	1,734	getah para, kelapa
5. Sitiawan	1,215	getah para, ubi kayu
6. Strathmashie	1,189	getah para, kelapa
7. Selaba	1,065	getah para
8. Jenderata	744	getah para
9. Batak Rabbit	500	getah para
10. Columbia	430	getah para
11. Cicely	336	getah para
12. Ratanui	256	getah para
13. Sabrang	272	getah para
14. Somerset	259	getah para
15. Sungai Air Tawar	259	getah para
16. Captain Turner's	234	getah para
17. Tanglin	223	getah para
18. Dettah	221	getah para
19. Captain Dally's	177	getah para
20. Alexandra	134	getah para
21. Eden Hall	110	getah para
22. Castleton	76	getah para, getah rambung
23. Coningsby	42	getah para

\*Berdasarkan Oliver Marks, *Reports on Lower Perak District 1908*.

kerana merekalah yang terlibat dalam perdagangan. Sebenarnya di pelabuhan-pelabuhan lain di Malaysia orang Hokkien juga yang paling awal datang (sebagai pedagang). Oleh yang demikian di pelabuhan-pelabuhan itu (misalnya, Pulau Pinang, Kelang, Kuala Trengganu dan Kota Bharu) sehingga masa sekarang loghat Hokkien yang lebih luas digunakan sehingga dewasa ini. Maka di Teluk Anson, rumah berhala yang dibina oleh orang Hokkien di Temple Street (dinamakan begitu kerana ada rumah berhala) telahpun genap 100 tahun pada tahun ini (1882).

Bangunan yang lebih lewat sedikit dibina daripada menara jam ialah rumah Freemason yang telah ada pada tahun 1886 dan dikenali sebagai Napier's lodge. Bangunan ini yang terletak di Jalan Batak Rabbit (Jalan Maharaja Lela) berhampiran dengan sungai (lebih kurang di belakang Lower Perak Club' sekarang) telahpun lama merosot dan tidak terjaga. Napier's Lodge telah dipindah ke Ipoh pada penghujung kurun ke-19. Jelas perpindahan itu menandakan

kemunculan Ipoh sebagai bandar yang lebih penting waktu itu. Tidak diketahui bangunan yang masih ada sekarang ini memperlihatkan bentuk asalnya. Besar kemungkinan sebagai kediaman ia telah diperbaiki beberapa kali.

Pada tahun 1890, Lembaga Bandaran Teluk Anson telah membelanjakan lebih kurang sebanyak \$4,773.30 untuk membina parit-parit konkrit dan di samping itu, sebuah pasar dan bangunan pasar itulah yang masih digunakan oleh penduduk masa sekarang. Tidak jauh dari pasar, pada tahun 1893, didirikan sebuah lagi bangunan yang kukuh bentuknya. Waktu itu bangunan itu sengaja dibina di hujung terusan dan berhadapan dengan Sungai Perak. Tujuan tapak itu dipilih adalah supaya dari bangunan itu jalan masuk ke terusan dari Sungai Perak dapat diawasi. Bangunan itu ialah Balai Polis yang telah digunakan sehingga baru-baru ini apabila Balai Polis dipindah ke bangunan baru.

Selain daripada bangunan-bangunan, sebagai bandar yang kian maju berbagai kemudahan telah juga disediakan dalam tahap awal perkembangan Teluk Anson. Yang paling penting, jalan-jalan baru dibina. Untuk tujuan tersebut dipercayai batu bata dari sebuah kota Belanda telah digunakan. Kota itu telah didirikan pada pertengahan abad ke-18. Jalan-jalan waktu itu tidaklah lebar; lebih kurang 3.6 meter sahaja luasnya. Di kiri kanan pula ditanam pokok. Pada tahun 1896 misalnya, Lembaga Bandaran telah memperolehi 100 pohon pokok manggis untuk ditanam di sekeliling bandar dan 95 pohon pokok sena yang mati telah diganti dengan yang baru.

Terdapat empat batang jalan yang terpenting di tengah-tengah bandar; setiap jalan panjangnya lebih kurang 1 kilometer. Jalan-jalan itu ialah Jalan Denison, Jalan Pasar, Jalan Ah Chong dan Jalan Immigrant. Merentasi jalan-jalan utama itu ialah, dari selatan ke utara, Jalan Anderson (sebelum itu Cemetery Road), Jalan Mahkota, Jalan Terusan (Canal Road), Jalan Anson, Jalan Queen, Jalan King, Jalan Prince dan Jalan Paulin.

Apabila jalan dengan beransur-ansur menggantikan sungai (dan terusan) sebagai bentuk pengangkutan yang lebih penting, terutamanya setelah terusan dikambus, kereta lembu dan kereta kuda semakin popular digunakan. Kedua-dua jenis kenderaan ini tetap ada selepas Perang Dunia II. Kereta kuda hanya mulai lenyap pada lewat 1940-an. Kenderaan motor mungkin mulai memberi perkhidmatan pada masa atau selepas Perang Dunia I (1914-1918). Kereta motor yang awal sekali digunakan di Perak ialah tiga buah - satu di Ipoh, satu di Gopeng dan satu di Tronoh. Itu dinyatakan pada tahun 1910.

Pada penghujung kurun ke-19 Lembaga Bandaran telah juga memasang lampu di tempat-tempat awam. Sebelum kuasa elektrik diperkenalkan pada 1920-an yang digunakan ialah lampu minyak yang dikenali sebagai lampu *Devoe*. Kerja-kerja menyelenggarakan lampu adalah secara kontrek dengan bayaran \$128.00 sebulan. Pada tahun 1896 terdapat sejumlah 80 buah lampu dipasang setiap malam. Bagi penduduk tempatan dahulu memang biasa mendengar nama

'Kassim Pelita'. Ia dipanggil demikian kerana tugasnya hari-hari ialah memasang semua lampu di jalan raya di dalam bandar.

Pada tahun 1910, kerja-kerja bagi meletakkan pesawat telefon di bandar Teluk Anson telahpun bermula. Pada tahun berikutnya telah ada perkhidmatan telefon yang memang tersangat penting bagi mereka yang terlibat di dalam perniagaan dan juga pejabat-pejabat kerajaan.

Berdasarkan apa yang telah disebutkan tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku di Teluk Anson sehingga lebih kurang masa menjelang Perang Dunia I, jelas bahawa bandar itu telah memasuki zaman moden waktu itu. Tetapi sebahagian besar Teluk Anson masih 'hijau'; kebanyakan kawasan masih belum ditebang dan rumah-rumah kediaman tidak begitu banyak di luar pusat bandar. Menurut Banci 1911, Teluk Anson ketika itu mempunyai bilangan penduduk seramai 6,927 menjadikannya bandar yang keempat besar di Perak – lebih kecil daripada Ipoh (23,978), Taiping (19,556) dan Kampar (11,604). Pada masa itu dan sehingga Perang Dunia II, Taiping adalah ibukota negeri Perak.

Seperti kebanyakan bandar di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu, penduduk Teluk Anson, dari awal-awal lagi, terdiri daripada berbagai kaum. Agak tidak keterlaluan jika sekiranya dikatakan bahawa penduduk-penduduk asalnya terdiri daripada peniaga/pedagang, petani dan buruh. Orang Melayu terlibat dalam perniagaan dan ada yang bercucuk tanam tetapi tidak mungkin, pada peringkat awal itu, ada yang mengambil upah sebagai buruh.

Telah disebutkan peranan orang Melayu dalam perniagaan pada waktu sungai merupakan jenis pengangkutan dan perhubungan yang paling penting. Terdapat bukti juga bahawa pada masa menjelang abad ke-20, ramai orang Melayu menanam padi. Tempatan-tempat di mana padi diusahakan dari muara Sungai Perak sehingga kawasan Teluk Anson termasuk Bagan Datoh, Kota Setia, Sungai Bahru dan di sekitar Teluk Anson sendiri.

Tetapi penanaman padi bukanlah mata pencarian yang utama sebelum 1890-an. Diketahui bahawa pada 1880-an mereka lebih biasa membuat atap untuk dieksport ke Deli; atap sangat diperlukan di ladang-ladang tembakau di situ. Tetapi tembakau Sumatra telah runtuh pada tahun 1891 maka perniagaan atap seterusnya merosot. Penduduk di Hilir Perak terpaksa membuka tanah untuk bercucuk tanam. Kebetulannya pada masa itu juga orang Banjar mulai menetap di Hilir Perak (kawasan pantai). Mereka lebih suka mengusahakan tanaman padi. Jelas penanaman padi bukan diusahakan oleh penduduk tempatan sahaja. Dan selain daripada orang Banjar, orang Jawa pula menanam padi di sekitar Bagan Datoh (di antara 1891–1892) dan ada orang Tamil (pada tahun 1889) serta orang Cina (1892) juga yang menanam padi di kawasan di antara Teluk Anson dengan Batak Rabit.

Tetapi usaha-usaha itu kurang berjaya. Terutamanya di sepanjang sungai, banjir seringkali merosakkan sawah. Tambahan pula mereka



**HILIR PERAK: PENANAMAN PADI DAN PETEMPATAN PADA LEWAT ABAD KE-19**

yang di samping padi telah juga menanam kelapa mendapati bahawa tanah lebih sesuai untuk kelapa terutamanya di kawasan Bagan Datoh. Ada juga yang cuba mengusahakan tebu tetapi ini juga gagal maka pada awal kurun ke-20, ladang getah dengan pesat telah muncul sebagai jenis pertanian utama di Hilir Perak. Tetapi getah (sebagaimana telah ditunjukkan) bukan diusahakan oleh orang tempatan pada peringkat awal itu.

Pekerjaan membuat atap sebenarnya tidak samasekali diabaikan oleh orang Melayu walaupun pasaran Sumatra telah tutup selepas tahun 1891. Ia telah menjadi perusahaan turun temurun yang sangat penting; tambahan pula di Hilir Perak terdapat, menurut Denison, "the magnificent nippah forest" yang memang mudah hidup di kawasan sungai yang berlumpur seperti yang terdapat di tebing-tebing di sekeliling bandar Teluk Anson. Pada tahun 1891, keluaran hasil atap di Hilir Perak tidak kurang daripada 22,412,641 keping yang mendatangkan hasil sebanyak \$106,065.25.

Perusahaan tangan lain yang merupakan punca pendapatan orang Melayu waktu itu termasuklah membuat tikar, bakul, bujam dan sebagainya. Dari hutan pula diperolehi rotan, damar, getah perca, ramuan-ramuan dan hasil-hasil lain yang mempunyai nilai pertukaran. Tentang damar, ia banyak terdapat (bercampur dalam pasir sungai) di kawasan tidak

di kawasan tidak jauh daripada pelabuhan asal. Apabila air surut dasar sungai yang banyak damar itu akan kelihatan dan penduduk di kawasan itupun berusaha mengutip damar untuk dijual ataupun untuk penggunaan sendiri. Oleh sebab banyak terdapat damar di kawasan itu maka lama kelamaan, kampung di situpun dipanggil orang *Pasir Berdamar*. (Lihat Peta A).

Orang Melayu juga berniaga di kawasan bandar. Menurut keterangan lisan, kedai-kedai orang Melayu banyak terdiri di sepanjang tebing sungai iaitu di Jalan Denison (di mana terdapat kedai buah-buahan sekarang). Kedai-kedai itu dibuat dari kayu dan atap. Terdapat juga orang Melayu seberang yang datang berniaga. Menurut cerita orang tua-tua di hujung Jalan Denison terletak sebuah kampung yang didiami oleh orang Kampar (Sumatera) – peniaga – dan kampung merekapun dikenali sebagai Hujung Kampar.

Ada juga mereka, terutama orang Jawa, yang bekerja sebagai buruh di ladang tebu atau ladang getah. Di bandar pula mereka menjadi buruh kasar dalam jabatan-jabatan kerajaan. Pihak pentadbiran pernah menggalakkan pendatang-pendatang baru (sama ada dari Indonesia ataupun negeri China dan India) mengusahakan tanaman padi. Misalnya pada tahun 1891, dilaporkan, bahawa:

... nearly 800 acres of land have been given out in small lots in Teluk Anson to Tamils, Javanese, and Archinese ... rapidly turned from a waste of jungle and grass into a flourishing settlement ....

Pada tahun yang sama juga, Noel Denison, telah cuba mendapatkan petani dari negeri Siam pula; menurut beliau:

During the year I have endeavoured to bring in Siamese settlers and owing to the efforts of the land officer Mr. Machado, a colony has now been established at Teluk Anson.

Bilangan imigren yang terbesar ialah orang Cina. Mereka telah pun berada di kawasan Hilir Perak tidak lewat dari pada awal kurun ke-19. Pada waktu itu kebanyakannya bertumpu di Bandar (berhampiran dengan Pasir Salak) di mana oleh sebab mereka sudah menjadi sebuah komuniti yang penting maka dilantik seorang Kapitan Cina (Tan Ah Hun). Pada masa James Innes dengan isterinya berada di Durian Sebatang, didapati sebilangan besar penduduknya terdiri daripada orang Cina. Wujudnya pentadbiran British memang menggalakkan lebih ramai lagi orang Cina datang ke Teluk Anson. Biasanya mereka datang melalui Pulau Pinang.

Sebagaimana di tempat-tempat lain, pendatang Cina suka bertumpu di tengah-tengah bandar di mana mereka berniaga. Bidang perniagaan mereka adalah luas — mereka menjadi pemborong, pengedar, penjual makanan/pakaian/minuman ataupun tembaga, batu bata, simin, perkakas rumah dan sebagainya. Di samping itu ada juga sejumlah besar yang menangkap ikan, menanam sayur-sayuran dan buah-buahan, menjadi tukang dan pembantu kedai. Walaupun ramai orang Cina mewah tetapi ada juga yang bekerja sebagai buruh. Golongan ini biasanya tinggal di pinggir bandar dalam rumah kayu dan papan. Taraf hidup mereka rendah dan ramai di antara mereka mengidap berbagai jenis penyakit.

Di mana sahaja orang Cina berada pada abad ke-19 dan untuk suatu jangkamasa yang berpanjangan selepas itu mereka suka menubuhkan kongsi gelap yang membolehkan mereka hidup agak terpisah daripada pentadbiran yang sah. Dipercayai di Hilir Perak mereka telah mempengaruhi orang Melayu maka pada awal 1880-an telah muncul kongsi gelap Bendera Merah yang diketuai oleh Udin dan Bendera Putih diketuai oleh Che Sarib dan Sayid Hassan Yahaya.

Kerana terdapat bilangan orang Cina yang agak ramai, pada tahun 1887 telah dibuka satu cawangan *Chinese Secretariat* di Teluk Anson di bawah kelolaan H.M. Young. Mustahaknya diadakan *Secretariat* itu ternyata memandangkan bahawa pada tahun 1891 sahaja, seramai 24,703 orang imigren Cina telah memasuki Hilir Perak melalui pelabuhan Teluk Anson. Walaupun pada peringkat awal, kebanyakan orang Cina yang datang itu adalah Hokkien (pedagang), apabila bandar berkembang maka pendatang itu terdiri daripada beberapa sukubangsa seperti Kanton, Teochiu dan Hailam.

Orang India juga telah mulai tiba pada masa wujudnya Teluk Anson. Mereka bekerja sebagai buruh kasar di bandar dan, sebagaimana telah disebutkan, ada juga orang India yang mengusahakan tanaman padi. Golongan India yang terpenting di bandar ialah kaum cettiar (pemberi pinjaman wang). Pada masa sebelum ada bank mereka memainkan peranan penting meminjam modal kepada mereka yang ingin meniaga. Ramai orang Cina bergantung kepada kaum cettiar pada masa dahulu. Kaum cettiar menetap di satu kawasan tertentu iaitu berhampiran dengan pasar di Jalan Anson.



Sebilangan besar orang India datang selepas 1890-an terutamanya ketika ladang getah mulai dibuka. Maka mereka sebenarnya bukan bertumpu di bandar tetapi di sekitar bandar. Golongan terbesar orang India di Teluk Anson ialah kaum Tamil. Satu lagi golongan India yang juga ada di Teluk Anson ialah kaum Punjabi beragama Sikh yang pada masa dahulu berkhidmat sebagai polis. Kebanyakan orang India di Teluk Anson dahulu tinggal di rumah-rumah (*coolie lines*) yang disediakan oleh pihak pentadbiran dan ditempatkan di Jalan Paulin, Jalan Immigrant serta Jalan Paul.

Kelihatan jelas bahawa masyarakat di Teluk Anson tidak berbeza dengan kebanyakan bandar besar di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Penduduknya terdiri daripada berbagai golongan etnik, masing-masing dengan pekerjaannya yang tersendiri walaupun di sana sini memang ada yang bertindih. Walaupun penduduk yang berbagai ragam itu hidup dalam satu kawasan yang bukanlah begitu luas, hubungan mereka tidaklah erat. Mereka bertemu di tempat-tempat orang berniaga dan waktu berjual atau membeli belah tetapi hubungan sosial yang mendalam lebih biasa berlaku di dalam satu-satu golongan etnik dan bukan di antara berbagai golongan itu. Dalam lain perkataan terdapat masyarakat majmuk juga di Teluk Anson.

### Pertumbuhan Sekolah

Pelajaran untuk kanak-kanak Melayu di mana-mana ada kampung Melayu memang telah lama ada. Pelajaran zaman dahulu tertumpu kepada agama dan diadakan di surau-surau. Sekolah Melayu pertama yang diasaskan oleh pihak pentadbiran Inggeris di Teluk Anson bertempat di sebuah bangunan kecil di Jalan Ah Chong. Sekolah ini pada masa sekarang adalah sebuah sekolah Tamil (bangunan terletak di hadapan Masjid India). Pada tahun 1906 murid-muridnya telah berpindah ke bangunan baru di Jalan Queen. Murid-murid perempuan pula menggunakan bangunan lama. Pada tahun 1938 murid-murid lelaki sekali lagi berpindah ke bangunan baru kali ini di Sungai Nibong. Murid-murid perempuan pula mengisi bangunan yang ditinggalkan oleh murid-murid lelaki. Kedua-dua sekolah itu (lelaki dan perempuan) masih kekal sehingga masa sekarang.

Tidak jelas pula bilanya sekolah Cina diasaskan di Teluk Anson. Besar kemungkinan sekolah yang sederhana di mana murid-murid hanya menghafalkan teks lama (*classic*) telah diadakan selewat-lewatnya pada awal kurun ke-20. Pelajaran cara tradisional memang tidak memerlukan banyak kemudahan. Sekolah lama itu biasanya terdiri daripada seorang guru dan beberapa orang murid sahaja. Kemudian nampaknya telah muncul Sekolah Phoay Wah, Sekolah Wah Chew dan Sekolah Chung Wah. Sekolah-sekolah yang lebih tersusun itu mungkin didirikan selepas Revolusi Negeri China yang berlaku pada tahun 1911. Tetapi diketahui dengan tepat bahawa pada 12 Februari 1929 telah muncul sebuah sekolah yang besar di Jalan Immigrant yang diberi nama Sekolah San Min; ia sebenarnya merupakan gabungan ketiga-tiga sekolah yang telah disebutkan itu. Dari masa itu sehingga zaman sekarang Sekolah San Min tetap

merupakan sekolah Cina utama di Hilir Perak.

Pelajaran Tamil sama sekali tidak diberi perhatian di Teluk Anson. Keseluruhannya pihak pentadbiran Inggeris tidak mengambil berat tentang pelajaran Tamil ataupun Cina. Pelajaran Cina tergantung kepada derma daripada orang Cina yang berada. Di kalangan orang India golongan yang berada kurang memainkan peranan untuk memupuk pendidikan. Sekolah-sekolah Tamil biasanya didirikan di ladang-ladang dan dibiayai oleh pihak majikan. Pelajaran kanak-kanak India di kebanyakan tempat dikendalikan oleh mubaligh Kristian.

Pihak pentadbiran lebih memberi perhatian kepada pelajaran Melayu dan Inggeris di Teluk Anson. Pada tahun 1889 telah ada sebuah sekolah Inggeris di Teluk Anson; sekolah itu berada di tapak sekolah itu telah diambil alih oleh Mubaligh Methodist. Bangunan Sekolah Rendah Horley Methodist sekarang. Pada tahun 1899, sekolah waktu itu agak sederhana; ia beratap rumbia dan berdiri atas tiang. Waktu itu bangunan sekolah hanya terdiri daripada sebuah bilik darjah yang besar, cukup untuk menampung lebih kurang 40 orang murid. Pada tahun 1904, Rev. W.E. Horley, yang telah mengasaskan Sekolah Anglo-Chinese Kampar pada tahun 1903, telah mengadakan suatu pertemuan dengan penduduk-penduduk terkemuka di Kelab Cina Hilir Perak. Wang telah dikutip untuk membina sebuah bangunan yang lebih baik dan lebih besar. Oleh sebab kebanyakan derma diperolehi daripada kaum Cina maka sekolah mubaligh Kristian itupun diberi nama Sekolah Anglo-Chinese Chinese, Teluk Anson.

Sekolah itu telah berkembang dengan baiknya. Pada tahun 1910 murid-murid perempuan (Cina dan India) telah memasuki sekolah itu kerana di Teluk Anson masih belum ada sekolah Inggeris untuk murid-murid perempuan. Sehingga tahun-tahun awal kurun ini, kebanyakan murid di Sekolah Anglo-Chinese itu terdiri daripada kaum India. Murid-murid Cina tidak ramai dan kanak-kanak Melayu lebih kecil lagi bilangannya. Salah seorang daripada murid-murid Melayu yang terawal ialah Raja Abdul Aziz ibni Almarhum Raja Musa (kemudian Sultan Perak 1938-1948).

Pada tahun 1919 telah muncul sebuah sekolah untuk kanak-kanak perempuan di Teluk Anson. Sekolah itu diberi nama St. Agnes. Sekolah itu dibuka oleh Rev. Father Coppin daripada French Society of Foreign Missionaries. Pada tahun 1926, Sekolah St. Agnes telah diambil alih oleh Sisters of the Holy Infant Jesus, Ipoh. Oleh sebab bilangan murid-murid semakin ramai pada tahun 1939, Rev. Mother St. Marcellin, Pengetua Convent, Ipoh, menyerahkan penyeliaan sekolah itu kepada Rev. Mother St. Odo yang merupakan pengetua bermastautin yang pertama di Convent Teluk Anson.

Pada tahun 1932 Teluk Anson telah mendapat sebuah lagi sekolah Inggeris. Sekolah itu yang diberi nama St. Anthony pada tahap awalnya hanya mempunyai 11 orang sahaja murid-murid. Pada tahun 1935, bilangannya bertambah menjadi 35 orang tetapi selanjutnya perkembangannya adalah pesat dan kini ia merupakan

salah sebuah sekolah terbesar di Hilir Perak.

Keadaan itu tidak berubah sehingga masa Merdeka. Hanya pada tahun 1938 sekolah Tamil telah dimulakan di Teluk Anson bertempat di bangunan sekolah Melayu perempuan kerana sekolah Melayu itu telah berpindah ke bangunan di Jalan Queen. Dan pada tahun 1954 ditambah sebuah lagi sekolah Tamil iaitu Sekolah Sithambaram Pillay yang bertempat di Jalan Jawa. Hanya dalam zaman kemerdekaan barulah muncul sekolah kebangsaan di peringkat menengah dan di samping itu telah juga ditubuhkan maktab perguruan harian. Dalam pada itu Sekolah Anglo-Chinese merupakan sekolah utama di Teluk Anson. Sebelum Perang Dunia II misalnya telah ada dua orang pelajar (Abdul Hamid bin Yusof dan Emile Baptist) dari sekolah itu yang menuntut perubatan di King Edward VII College of Medicine di Singapura. Malangnya mereka terbunuh waktu Singapura dibom oleh kapal terbang Jepun.

### Bandar Diraja

Mula daripada masa Raja Iskandar ibni Almarhum Sultan Idris menjadi Sultan Perak (1918–1938), Teluk Anson secara rasmi telah ditetapkan sebagai bandar diraja iaitu tempat Raja Muda Perak bersemayam. Istana telah didirikan di Jalan Syed Abu Bakar. Raja Abdul Aziz ibni Almarhum Raja Musa merupakan Raja Muda pertama yang bersemayam di istana itu. Raja Muda kedua ialah Raja Yusuf ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil, yang ketiga, Raja Idris ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Raja Muda yang kini bersemayam di istana di Teluk Anson ialah Raja Musa ibni Almarhum Sultan Abdul Aziz.

Kehadiran Raja Muda di Teluk Anson menaikkan status bandar ini. Pembangunan berlaku dengan lebih jelas dari segi adanya berbagai kemudahan baru seperti pengangkutan motor, bekalan air dan pembinaan bangunan-bangunan batu bata. Salah sebuah bangunan yang besar yang didirikan pada dewasa itu (tahun 1926) ialah kuil Sri Thendayuthapani. Menurut keterangan sami-sami kuil itu, hampir semua alat yang digunakan bagi membina kuil itu dibawa khas dari India. Dengan terbinanya kuil itu satu perayaan agama Hindu yang mustahak (biasanya terjatuh pada hujung April dan awal Mei) telah diadakan setiap tahun. Perayaan itu dikenali sebagai *Citeraparuvum*.

Sehingga awal 1950-an, waktu perayaan itu diadakan, bandar Teluk Anson dibanjiri oleh kaum Hindu. Mereka datang dari ladang-ladang di sekitar Teluk Anson dan juga dari bandar-bandar lain. Biasanya mereka tinggal beberapa hari di bandar dan tidur di kaki lima rumah-rumah kedai. Bila sistem pengangkutan bertambah baik dengan adanya kenderaan yang lebih maju dan lebih ramai orang mampu membeli kereta, keadaan ini tidak kelihatan lagi.

Upacara *Citeraparuvum* tidak jauh berbeza dengan upacara *Thaipusam* yang dirayakan secara besar-besaran di Kuala Lumpur (Gua Batu). Pembayar niat terlebih dahulu harus berpuasa dan pada hari perayaan, setelah bersembahyang, berada dalam keadaan tak sedarkan diri kerana diresapi dewa dewi. Mereka berarak dari tempat



*Dari kanan ke kiri: DYMM Sultan Iskandar Shah ibni Almarhum Sultan Idris (Sultan Perak 1918–1938); DYMM Sultan Abdul Aziz ibni Almarhum Raja Musa (Sultan Perak 1938–1948); dan Almarhum Sultan Yusuf Izzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil (Sultan Perak 1948–1963).*

bersemadi dengan dewa dewi (biasanya di tepi sungai di kawasan Durian Sebatang) ke kuil Thendayuthapani sambil memikul alat-alat yang dipanggil *kavadi*. Badan mereka biasanya dibenam dengan berbagai jenis jarum. Ada setengahnya lidah atau pipi mereka sahaja yang dicucuk dengan jarum. Kemuncak perayaan itu ialah apabila patung *Subramaniam* dari dalam kuil itu diarak di sepanjang jalan-jalan yang utama di bandar pada waktu malam. Pada masa itu penganut-penganut agama Hindu, seringkali termasuk orang Cina yang bukan beragama Hindu, memberi persembahan.

Waktu perayaan itu juga memberi kesempatan kepada orang India berjual beli. Jalan Anson dan Jalan Ah Chong terutamanya bersedak dengan orang India dan di situlah (terutamanya padang di depan kuil) gerai-gerai didirikan. Barang-barang yang dibawa dari India atau buatan tempatan dijual. Terdapat juga berbagai jenis makanan (kacang, muruku, empin, kastad, gula-gula, dsb.), bahan-bahan dari minyak, pakaian yang beraneka warna, perkakas daripada tembaga, perak dan tanah liat (seperti labu, buyung, periok belanga), alas lilin, pinggan mangkok, dulang, bekas kemeyan, locing, subang, pisau dan parang, perkakas dari manik dan gading, ubat-ubat yang dibuat daripada akar kayu, rempah ratus dan banyak lagi barang-barang kesukaan orang India.

Sebagai masyarakat majmuk maka banyaklah agama yang diamalkan oleh penduduk Teluk Anson. Bagi orang Islam memang telah lama ada surau-surau bagi mereka beribadat. Masjid India (di Jalan Ah Chong) dan Masjid Aziziah (di Jalan Mahkota) dibina pada 1920-an. Orang Islam di Teluk Anson memang mengambil berat tentang agama mereka. Dipercayai *madrasah* (sekolah agama moden biasanya dengan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar) pertama di negara ini didirikan di Teluk Anson. Besar kemungkinan yang dimaksudkan itu ialah madrasah Insaniah (di Jalan Berhala). Pernah dilaporkan juga bahawa pada masa Turki terlibat di dalam Perang Dunia I (tahun 1914), ada percubaan di Teluk Anson menyeru orang Islam supaya bangkit menentang Inggeris.

Agama Kristian juga mempunyai penganut yang ramai di Teluk Anson kebanyakannya terdiri daripada Katholik, Methodist dan Anglican (sebenarnya Anglican biasanya orang Inggeris sendiri). Bilangan terbesar orang Kristian terdiri daripada orang Cina dan India. Maka di Teluk Anson terdapat tiga gereja: gereja St. Anthony dan gereja St. Luke (Anglican) di Jalan Anderson (Jalan Batak Rabbit) dan gereja Methodist di Jalan Speedy. Sekolah-sekolah juga ditubuhkan oleh mubaligh (Katholik dan Methodist) untuk mengembangkan agama Kristian.

Rumah berhala orang Cina juga bertambah. Selain daripada rumah berhala Hokkien di tepi sungai, kemudian didirikan sebuah lagi di Jalan Ah Chong (berhampiran dengan pasar) dan satu lagi (untuk memuja keramat) di Sungai Nibong. Sesungguhnya orang Cina juga seringkali memuja dewa dewi India. Selain daripada kuil Sri Thendayuthapani terdapat sebuah lagi kuil di Jalan Syed Abu Bakar (di belakang Sekolah Convent) dan pada suatu ketika di tapak

sebatang pokok besar (di kawasan Jalan Pasar-Jalan Anderson) didirikan juga sebuah kuil yang sederhana.

Sebagaimana telah diterangkan lebih awal lagi, apabila bermulanya perkhidmatan keretapi Seberang Perai-Johor Bahru, kepentingan keretapi Ipoh-Teluk Anson telah merosot. Nasib Teluk Anson selanjutnya tergantung kepada berpuluh-puluh ladang yang telah muncul di kawasan sekitarnya. Tetapi pelabuhan Teluk Anson di Jalan Batak Rabbit tetap sibuk sehingga Perang Dunia II. Dan masih banyak lagi barang-barang yang dikendalikan oleh keretapi terutamanya barang-barang yang dibawa masuk oleh kapal kemudian diangkut keluar oleh keretapi. (Lihat perangkaan-perangkaan di bawah).

Port	Year	Forwarded by rail from (tons)	Received by rail at (tons)
Penang	1934	28,530	34,665
Prai		48,686	37,362
<i>Teluk Anson</i>		<u>64,457</u>	<u>49,789</u>
Port Swettenham		215,784	147,377
Port Dickson		16,745	7,479
Penang	1936	32,682	50,177
Prai		86,852	54,661
<i>Teluk Anson</i>		<u>104,780</u>	<u>47,287</u>
Port Swettenham		273,700	139,867
Port Dickson		15,575	15,153
Penang	1938	27,845	56,050
Prai		96,679	56,439
<i>Teluk Anson</i>		<u>110,632</u>	<u>26,071</u>
Port Swettenham		344,232	126,688
Port Dickson		19,144	18,989
Penang	1940	31,541	95,199
Prai		132,121	72,688
<i>Teluk Anson</i>		<u>132,154</u>	<u>58,976</u>
Port Swettenham		390,879	175,808
Port Dickson		24,001	27,378

Statements of Goods Traffic Forwarded and Received at Penang, Prai, Teluk Anson, Port Swettenham & Port Dickson

Penduduk Teluk Anson sepanjang 1920-an dan 1930-an tetap bertambah ramai tetapi sehingga masa Perang Dunia meletus, Teluk Anson adalah bandar yang keempat besar di Perak:

Bandar	1921	1931
Ipoh	36,860	53,183
Taiping	21,111	30,070
Kampar	12,325	15,302
Teluk Anson	10,859	14,671

Di bandar Teluk Anson, bilangan penduduk terbesar adalah kaum Cina. Pada tahun 1931, misalnya, kaum Cina berjumlah 7,900, kaum India, 3,530 dan orang Melayu 3,062. Kebanyakan orang Melayu tinggal di luar kawasan bandar. Maka di seluruh Hilir Perak, pada tahun 1931, terdapat 38,466 orang Melayu selain daripada:


Jawa:	9,203
Banjar:	4,112
Minangkabau:	206
Golongan Sumatera lain:	1,246

Begitu juga kaum India; sebilangan besar mereka bekerja di ladang di luar bandar. Maka pada tahun 1931, penduduk ladang berjumlah 26,584 orang yang terdiri daripada:

India:	24,596
Cina:	1,003
Melayu:	707
Eropah:	150

Pada 1930-an kedudukan Hilir Perak sebagai kawasan pertanian dimajukan lagi apabila kerajaan mengambil langkah untuk meluaskan kawasan sawah di Sungai Manik. Ini adalah ekoran daripada penubuhan Jabatan Parit dan Taliair pada tahun 1932. Dengan adanya jabatan itu maka diadakan rancangan besar-besaran untuk membina sistem perairan di Sungai Manik supaya penanaman padi dapat dipergandakan. Kerajaan juga telah membawa masuk orang Banjar untuk memajukan rancangan Sungai Manik itu. Dengan itu Sungai Manik telah menjadi kawasan padi kedua pentingnya di Perak didahului hanya oleh kawasan Krian di mana para pesawah juga terdiri daripada orang Banjar. Menjelang Perang Dunia II, tidak kurang daripada 2,834 hektar tanah di Sungai Manik ditanam padi. (Lihat pelan di sebelah).

Pada tahun 1942, penduduk Teluk Anson sebagaimana di seluruh Malaysia juga terpaksa tunduk kepada pemerintah baru — Jepun. Menjelang itu walaupun Teluk Anson dibom oleh kapal terbang Jepun amat sedikit bangunan yang dimusnahkan. Zaman Jepun





membawa kesengsaraan kepada penduduk Teluk Anson: mereka hidup dalam keadaan takut. Pihak Jepun menggunakan Sekolah San Min sebagai markas dan di sana ramai orang disiksa. Dalam pada itu muncul pula Bintang Tiga (MPAJA) yang merupakan anggota-anggota Parti Komunis Malaya menentang Jepun. Di samping itu mereka dari semasa ke semasa menangkap dan membunuh orang-orang yang dituduh bersubahat dengan pihak Jepun. Seringkali terdapat desas-desus mengatakan ada orang yang telah dibawa masuk ke Pasir Berdamar. Itu biasanya bermakna ia telah kehilangan nyawa. Di antara 1944-1945, Bintang Tiga semakin berani. Sekali-sekali ada pegawai Jepun atau polis yang ditembak mati di bandar. Ini biasanya akan diikuti dengan perintah berkurung (dipanggil *sook ching* oleh orang Cina) untuk membolehkan pihak Jepun mencari mereka yang terlibat.

Menjelang masa tamatnya Perang Dunia, makanan semakin kurang dan, untuk menambahkan makanan, penduduk Teluk Anson dikehendaki menanam ubi kayu. Padang bolasepak di Jalan Speedy adalah satu kawasan yang digunakan untuk tanaman itu. Tetapi walaupun sukan tidak digalakkan, pihak Jepun membenarkan taman hiburan (*amusement park*) didirikan. Taman hiburan waktu itu bertempat di padang di hadapan kuil Sri Thendayuthapani. Di taman hiburan orang berjudi setiap malam dan satu jenis perjudian yang amat popular dipanggil *loto* (tambola sekarang). Tetapi selain daripada judi, adanya taman hiburan membolehkan *bangsawan* dan *opera* Cina hidup seterusnya. Tradisi taman hiburan itu dikekalkan setelah tamatnya Perang Dunia tetapi ia telah dipindah ke kawasan baru di Jalan Mahkota. Peninggalan taman hiburan itu masih kelihatan di Jalan Mahkota.

Sebelum tamatnya Perang Dunia, penduduk Teluk Anson terdedah kepada pergolakan yang agak dahsyat. Pihak komunis telah menyerang Balai Polis tetapi tidak berjaya dan dua atau tiga orang daripada mereka terbunuh. Kemudian langkah-langkah yang diambil untuk memperlihatkan kekuatan mereka terutamanya dalam lebih kurang dua minggu di antara bulan Ogos - September 1945 (iaitu setelah pihak Jepun menyerah diri tetapi pihak Inggeris belum sempat kembali) telah mengakibatkan rusuhan kaum yang mula-mula berlaku di Sungai Manik.

Kembalinya British memang dialu-alukan oleh penduduk Teluk Anson tetapi semasa Pemerintahan Tentera British keadaan kacau bilau tetap wujud. Barang-barang keperluan kurang; matawang Jepun samasekali tidak bernilai. Bintang Tiga ditentang kuat oleh pihak *Kuomintang* (Parti Kebangsaan Cina). Kongsi gelap muncul kembali dengan menggunakan nama *Ang Bin Hoey* yang pada dasarnya menyokong *Kuomintang*. Pejuang kebangsaan Indonesia juga seringkali berada di Teluk Anson; persatuan mereka yang paling berpengaruh dikenali sebagai Pembantu Indonesia Merdeka.

Walaupun keadaan masih kurang tenang, dengan tamatnya Perang Dunia sukan dihidupkan kembali. Permainan yang paling popular ialah bolasepak. Padang di Jalan Speedy dapat dipulihkan kembali

supaya perlawanan liga dapat dijalankan. Selama beberapa tahun pasukan yang paling kuat ialah *Great World Park* (taman hiburan). Pasukan askar British yang berada di Hilir Perak menambahkan keghairahan pertandingan bolasepak. Yang sangat popular waktu itu ialah *Coldstream Guards*.


Teluk Anson memang merupakan sebuah tempat yang banyak melahirkan ahli sukan yang handal. Sebelum Perang Dunia II half-tengah yang dianggap paling baik di Negeri-negeri Melayu Bersekutu ialah Kan Tuck Fee bekas-murid Sekolah Anglo-Chinese. Selepas Perang, yang mula-mula sekali muncul sebagai *hero* ialah Abu Hanifah. Bersama-sama dengan Ishak Abdullah (penuntut A.C.S.), beliau telah mewakili Perak dalam perlawanan akhir Piala Malaya pada tahun 1950 bertemu dengan Singapura. Ramasamy Cettiar pula mewakili pasukan India Malaya.

Dalam bidang olahraga, lebih ramai lagi penduduk Teluk Anson yang pernah mewakili Perak. Pada lewat 1940-an terdapat Alexander Jacob, Balasubramaniam dan T. Tambyrajah; dalam awal 1950-an, Aloysius Arokiasamy dan Wong Keng Heng. Wong Keng Heng pernah menjadi juara 100 meter dalam Kejohanan Olahraga Perak. Pada masa yang sama juga pasukan St. Anthony muncul sebagai sekolah yang paling handal di seluruh negara dengan mengalahkan A.C.S. Singapura dalam Kejohanan Olahraga Tanah Melayu. Teluk Anson juga yang melahirkan Thor Gim Soon yang pernah mewakili negara dua kali dalam Sukan Asia (pada tahun 1962 dan 1970). Beliau masih memegang rekod Perak untuk acara 100 meter dengan masa 10.6 saat. Di antara wanita yang paling handal ialah A. Sarojini, Teh Wan Choo dan Thong Sook Leng, kesemuanya mewakili Perak.

Tetapi, mungkin dalam bidang hoki kecapaian Teluk Anson paling istimewa. C. Paramalingam (bekas-penuntut A.C.S.) mewakili negara yang buat kali pertama bertanding dalam Olimpik pada tahun 1956 di Melbourne. Kemudian A. Francis (penuntut St. Anthony) mewakili negara dan beliau dianggap salah seorang bek yang terbaik di dunia. Selanjutnya R. Ramakrishna pula mewakili negara; beliau juga pernah menjadi ketua pasukan kebangsaan.

Maka jelas Teluk Anson mempunyai sejarah yang dapat dibanggakan. Ramai juga anak Teluk Anson yang telah muncul sebagai pemimpin dalam berbagai bidang. Dan Teluk Anson menduduki tempat yang agak istimewa hampir di tengah-tengah kawasan pertanian yang tersangat penting. Selain daripada getah, kelapa dan padi, Teluk Anson juga banyak mengeluarkan kelapa sawit dan tembakau (Chui Chak). Kedudukannya yang berhampiran dengan laut menjadikan perikanan juga satu aspek ekonomi yang mustahak. Teluk Anson membekalkan ke bandar-bandar yang besar, seperti Kuala Lumpur, ikan dan udang.

Teluk Anson memang bandar yang tua dan terletak di kawasan – Hilir Perak – yang bersejarah. Selama beberapa abad hampir segala *action* – kedatangan orang Aceh, Belanda, Bugis, dsb. – berlaku di Hilir Perak. Tempat seperti Tanjung Putus, Kuala Bidor, Pulau Indera Sakti dan Bandar disebutkan dalam dokumen-dokumen tua sejarah.



*Hakisan Sungai masa sekarang.*

Kapitan Cina yang pertama di Perak memang dilantik di kawasan ini; Yang Dipertuan Selangor yang pertama dilantik di Hilir Perak juga. Dokumen sejarah peribumi Perak yang tertua *Misa Melayu* pun memberi fokus kepada Hilir Perak. Teluk Anson bukan hanya terletak di tepi Sungai Perak tetapi juga Sungai Bidor dan tidak jauh daripada Sungai Kinta, Batang Padang (di sebelah utara) dan Sungai Bernam (di sebelah selatan). Bagi mereka (terutamanya pelancung) yang mahu mengenali masyarakat Melayu tradisional dengan lebih dekat, Teluk Anson adalah tempat yang paling sesuai dijadikan pengkalan mereka.

Tetapi masa depan Teluk Anson seolah-olah tidak mempunyai haluan yang tertentu. Ini disebabkan oleh hakisan sungai yang memaksa orang tempatan memikirkan tentang keperluan untuk bandar dipindah ke kawasan pendalaman. Bagi orang di luar, dianggap bahawa Teluk Anson hanya menunggu masa sahaja untuk lenyap samasekali. Ini adalah satu pandangan yang silap. Kemewahan bandar ini masa sekarang tidak jelas pada orang luar. Tetapi kalau difikirkan bahawa hampir setiap bank yang besar di negara ini mempunyai cawangan di Teluk Anson (di antara yang lebih tua ialah Chartered Bank, Hongkong & Shanghai Bank dan Oversea Chinese Banking Corporation) maka ternyata bahawa Teluk Anson adalah bandar yang makmur dan maju.

Pada tahun 1982 ini, Teluk Anson berusia genap seratus tahun. Dengan itu dan sesuai dengan status negara yang merdeka ini, namanya yang telah ditetapkan pada zaman British diubah dan dihidupkan semula sebahagian nama asalnya menjadi TELUK INTAN.

---

*Dari Album*  
*DYTM Raja Muda Perak*

---



*Almarhum Sultan Abdul Aziz, ayahanda DYTM Raja Muda Perak Raja Musa.*



*Almarhumah Raja Perempuan Khadijah Bonda Raja Muda.*



*DYTM Raja Muda (kiri) ketiga berusia 3 tahun (dilahirkan pada 16 Jun 1919).*



*Upacara berkhatan DYTM Raja Muda Perak pada tahun 1935.*






*DYTM Raja Muda (duduk) bersama rakan-rakan semasa berusia 17 tahun.*



*DYTM Raja Muda di Ipoh tahun 1952.*



*DYTM Raja Muda bersama Sultan Perak (Almarhum Sultan Yusoff Izzuddin Shah).*



*DYTM Raja Muda Perak bersama putera-putera dan puteri.*



*DYTM Raja Muda pada tahun 1948.*



*DYTM Raja Muda dalam pasukan polo semasa mengalahkan pasukan Tentera British pada tahun 1947.*



*DYTM Raja Musa bersama-sama rakyat.*



*DYTM Raja Muda semasa di Anglo Chinese School (ACS) Teluk Anson sempena pertukaran ke Clifford School Kuala Kangsar tahun 1936.*



*DYTM menghadiri upacara di Teluk Anson.*



*Bergambar ramai kerana memberi selamat berpisah kepada Raja Kecil Sulung (sekarang Raja Muda) di Jajahan Parit pada 7 Januari 1952.*



*DYTM Raja Muda Berjemaah di Masjid.*



*DYTM Raja Muda bersama DYMM Sultan Perak, Sultan Idris Shah ibni Almarhum Sultan Iskandar.*



*DYTM menerima hadiah kenangan daripada DYMM Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim ibni Almarhum Sultan Badlishah.*



*Lawatan DYTM ke Sekolah Rendah Kebangsaan II, Jalan Pahang, Tapah pada 26 Ogos 1971.*



*Lawatan DYTM ke Manila.*



*Lawatan DYTM ke Bangkok.*



---

*Gambar~ Gambar Bersejarah*

**TELUK ANSON**

---



*Durian Sebatang.*



*Kampung Trengganu.*



*Makam Tok Janggut Kampung Trengganu.*



*Makam Keramat Kuala Bidor.*



*Kuala Bidor.*



*Jambatan Keretapi Sungai Bidor.*



*Rumah Berhala Hok Soon Keong Jalan Berhala.*



*Perhentian Keretapi dekat Pelabuhan.*



*Napier's lodge.*



*Balai Polis Lama.*



*Sekolah Melayu Pertama di Jalan Ah Chong (Sekolah Tamil sejak Tahun 1938).*



*Madrasah Insaniah Jalan Berhala.*



*Kawasan Yang Ditenggelami Air.*



*Mahkamah Teluk Anson (Dahulu Gereja).*






*Pejabat Kerajaan (Dahulu Bangsal Keretapi).*



*Sekolah Rendah Horley Methodist (Dahulu Sekolah Anglo-Chinese di Jalan Anson).*



*Pelabuhan Teluk Anson.*



*Kapal Berlabuh di Pelabuhan.*



*Bangunan Pasar.*



*Jalan Pasar (Kelihatan berek polis di sebelah kanan).*



*Hospital Daerah.*



*Masjid India Jalan Ah Chong.*



*Masjid Azizah Jalan Mahkota.*



*Istana Raja Muda pada 1920-an.*



*Rumah Berhala "Datuk Kong" (Poh Soon Keong) Sungai Nibong.*




*Masjid Batak Rabit.*



*Kuil India: Sri Thandayuthapani Jalan Anson.*



*Gereja St. Luke (Anglican).*



*Sultan Iskandar di Teluk Anson (Awal 1930-an).*



*Pesuruhjaya Sir Cecil Clementi di Teluk Anson (Awal 1930-an).*





*Dua Pasukan Bolasepak (1930-an).*



*Pasukan Bolasepak Lower Perak Malay Club (Barisan depan no. 3 dari kanan ialah Abu Hanifah yang mewakili Perak dalam perlawanan akhir Piala Malaya, 1950 bertemu dengan Singapura).*



*Menteri Besar Perak (Dato' Panglima Bukit Gantang) di Teluk Anson.*



*Sultan Perak (DYMM Sultan Yusuf Izzuddin Shah) di Teluk Anson.*



*Menyambut Hari Keputeraan (Sultan Yusuf Izzuddin Shah) Tahun 1954.*



*Menyambut Hari Keputeraan (Sultan Yusuf Izzuddin Shah) 1954 – Perarakan di Jalan Prince.*




*Jalan Pasar (Pemandangan Dari Menara Jam).*



*Banjir di Pasar.*




*Bangunan Baru Sekolah Horley Methodist (Anglo-Chinese) di Jalan Raja Musa.*



*Bangunan Lama Majlis Bandaran (Dahulu Bangsal Keretapi).*



*Keretapi membawa minyak ke Depoh Shell (Dekat Pelabuhan).*



*Satu Pemandangan Jeti Pertengahan 1950-an.*



*Kilang Padi.*



*Sekolah Menengah Convent.*



*Kediaman Orang Besar Jajahan.*



*Pejabat Pos.*





*Hong Kong & Shanghai Bank.*



*Gereja St. Anthony (Katholik).*




*Jalan Pasir Berdamar.*



*Persatuan India Hilir Perak.*



*Stesyen Bas sekarang.*



*Jabatan Telekom.*




*Lembaga Letrik Negara sekarang.*



*Pejabat Majlis Daerah.*



*Komplek Kerajaan sekarang.*



*Bangunan Masjid baru sedang dibina.*



*Hakisan sungai.*



*Sebahagian Jalan Batak Rabit (Jalan Maharaja Lela) ditutup.*



## BPM memimpin anda ke arah pertanian moden

Salah satu objektif kami adalah untuk menggalakkan kemajuan sempurna di bidang pertanian, iaitu menghasilkan pertanian bermutu.

Bagi mencapai tujuan ini kami menyediakan khas untuk kaum tani kredit dan pinjaman yang meliputi kegiatan-kegiatan pengeluaran, pemerosesan, pengangkutan, pemasaran dan lain-lain usaha yang berkaitan.

Pengeluaran bermutu menjamin harga yang tinggi.  
 Harga yang tinggi bererti pendapatan yang bertambah.



**BANK PERTANIAN MALAYSIA**

Nadi untuk sektor pertanian

### IBU PEJABAT

Kuala Lumpur

### SELANGOR

Banting  
 Sungai Besar  
 Tanjung Karang

### KEDAH

Alor Star  
 Guar Chempedak  
 Kodiang  
 Baling  
 Pekan Sik  
 Sungai Petani

### PERLIS

Simpang Empat

### PULAU PINANG

Pulau Pinang  
 Kepala Batas

### MELAKA

Bandar Melaka

### PERAK

Bagan Serai  
 Kuala Kangsar  
 Parit  
 Telok Intan

### KELANTAN

Kota Bharu  
 Kuala Krai  
 Pasir Mas

### TRENGGANU

Kuala Trengganu  
 Besut  
 Kuala Bang

### PAHANG

Kuantan  
 Raub  
 Rompin  
 Temerloh

### NEGERI SEMBILAN

Kuala Pilah

### JOHOR

Johor Bharu  
 Batu Pahat  
 Mersing  
 Pontian  
 Muar

### SARAWAK

Kuching  
 Sarikei

### SABAH

Kota Kinabalu  
 Tawau



## **QUALITY PRINTING SERVICES**

LITHOGRAPHIC, OFFSET, LETTER PRESS, IBM COMPOSING &  
SILKSCREENING

- \* Text Books, Magazines & Bulletins
- \* Posters & Calendars etc
- \* Catalogues & Brochures

**UNITED SELANGOR PRESS SDN. BHD.**

8 & 10, JALAN LENGKONGAN BRUNEI,  
OFF PUDU, KUALA LUMPUR,  
SELANGOR, WEST MALAYSIA,  
TELEPHONE:- 03-481090 & 03-487336



# Cerita pendek semakin panjang.



Tahun lalu, kami nyatakan sokongan kami terhadap seni adalah satu cerita pendek: iaitu budaya dan seni menyuburkan hidup kita dan kami berharap kegiatan kami menyokong bidang-bidang tersebut dapat membantu memajukan masyarakat kita.

*Sayembara*, sebuah antologi mengandungi tiga belas cerpen terbaik

dalam Hadiah Cerpen Esso-Gapena Yang Pertama (1979) kini dicetak kali kedua dan merupakan bahan bacaan untuk kursus sastera di beberapa buah Universiti di Malaysia.

*Sayembara II*, adalah sebuah antologi baru mengandungi cerpen-cerpen yang memenangi Hadiah Cerpen Esso-Gapena Yang Kedua (1980). Sejumlah 282

cerpen telah diterima untuk siri kedua itu.

Esso berbangga untuk terus menyokong Hadiah Cerpen siri ketiga (1981) dengan kerjasama GAPENA, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia, guna memberi penghargaan dan galakan kepada penulis-penulis Malaysia yang berbakat.



**Bermesralah dengan kami.**